

NAMA:

TINGKATAN:

SEJARAH
Kertas 1
Julai 2026
1 jam

1249/1



LEMBAGA PEPERIKSAAN
NAMA SEKOLAH

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026
SEJARAH TINGKATAN 5
(SET 1)**

Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi **10 halaman** bercetak

Arahan

Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

1. Bagaimanakah undang-undang berperanan dalam membentuk ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu?

A Mengikat kesetiaan rakyat
B Meluaskan wilayah pengaruh
C Mengukuhkan kedaulatan raja
D Menjadi panduan pemerintahan

2. Maklumat berikut berkaitan hubungan timbal balik semasa Kesultanan Melayu Melaka.

Rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon.

Sumber: W.G. Shellabear, 1995. Sejarah Melayu.

Apakah kepentingan hubungan tersebut?

I Memajukan negara bangsa
II Mengukuhkan kedaulatan raja
III Menjamin kesejahteraan rakyat
IV Mewariskan keunggulan pentadbiran

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Revolusi Amerika pada tahun 1776, merupakan reaksi orang Amerika menentang penjajahan British.

Apakah kesan revolusi tersebut terhadap Amerika?

A Kuasa parlimen tergugat
B Sistem demokrasi dilaksanakan
C Pengaruh British semakin kukuh
D Raja berperlembagaan dimantapkan

4. Mengapakah gerakan nasionalisme di China menentang pemerintahan Dinasti Manchu?

A Gagal menghalang kemasukan kuasa Barat
B Rakyat dibebani cukai yang tinggi
C Membenci golongan Mandarin
D Fahaman komunis berkembang



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

5. Perkembangan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara lain di Asia Tenggara. Apakah tujuan gerakan nasionalisme di Thailand?

- A Mengubah nasib rakyat
- B Manifestasi perjuangan sami
- C Mengekalkan kedaulatan negara
- D Menghapuskan penjajahan asing

6. Karya berikut dihasilkan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

- Cerita Tekukur
- Cerita Awang Putat

Apakah mesej yang diketengahkan melalui karya tersebut?

- A Kesedaran nasib bangsa
- B Pergolakan politik dunia
- C Penentangan sistem penjajah
- D Kelemahan sistem pentadbiran

7. Maklumat berikut berkaitan Perjanjian Versailles 1919 yang dikenakan kepada Jerman.

- Membayar pampasan kepada Pakatan Bertiga
- Menyerahkan kesemua tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga

Mengapakah Jerman dikenakan hukuman tersebut?

- A Mengaut hasil negara lain
- B Melakukan penghapusan etnik
- C Menyebarkan fahaman komunis
- D Menyebabkan banyak kemusnahan

8. Jadual berikut menunjukkan kejayaan Jepun dalam bidang ketenteraan.

Tahun	Kejayaan
1895	Menewaskan China
1905	Menewaskan Rusia

Apakah kesan kejayaan tersebut terhadap Asia Tenggara?

- A Pengukuhan sistem pertahanan
- B Peluasan kawasan pemerintahan
- C Kemunculan semangat nasionalisme
- D Kemantapan kuasa pemerintahan tempatan

9. Dasar pemerintahan Jepun di Tanah Melayu menyebabkan rakyat hidup dalam kesengsaraan dan penderitaan.
Apakah kesan daripada dasar tersebut?
- A Kemasukan idea pembaharuan
B Pengisytiharan revolusi bersenjata
C Pengukuhan semangat antipenjajah
D Kemunculan golongan intelektual
10. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Raja-raja Melayu untuk membantah pelaksanaan Malayan Union?
- I Menganjurkan kongres
II Membuat demonstrasi besar-besaran
III Menghantar surat bantahan ke London
IV Membawa kes ke Mahkamah Tinggi England
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
11. Tentera Jepun telah mengebom dan memusnahkan bandar Sandakan semasa Perang Pasifik pada tahun 1945.
Apakah yang berlaku ke atas Sabah ekoran peristiwa tersebut?
- A Pentadbiran SBUB dikekalkan
B Sabah diserahkan kepada British
C Kemerdekaan Sabah diiktiraf oleh British
D SBUB mendapatkan piagam daripada British
12. Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1948.
Apakah kesan penubuhan tersebut terhadap perjuangan orang Melayu?
- A Berkuasa mengawal pentadbiran
B Parti-parti politik digabungkan
C Syarat kerakyatan dipermudah
D Diiktiraf sebagai penduduk asal
13. Maklumat berikut berkaitan dengan keganasan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu.
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Merosakkan ladang getah • Merosakkan landasan kereta api |
|---|
- Mengapakah PKM bertindak demikian?
- A Menunjukkan ketidakupayaan British
B Menyusun semula sistem pemilikan
C Menentang amalan buruh paksa
D Melumpuhkan ekonomi British

14. Keganasan komunis telah menyebabkan darurat diisytiharkan di negara kita pada tahun 1948.

Apakah kesan pengisytiharan tersebut dari aspek politik?

- A Mempercepatkan kemerdekaan
- B Meningkatkan kos perbelanjaan
- C Memulihkan kepercayaan rakyat
- D Merenggangkan hubungan antara kaum

15. Sistem Ahli diperkenalkan untuk memupuk perpaduan kaum. Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?

- A Ahli dipanatau oleh suruhanjaya bebas
- B Undang-undang anti perkauman digubal
- C Ahli dilantik dalam kalangan pelbagai kaum
- D Mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan

16. Maklumat berikut merupakan parti politik yang ditubuhkan oleh Dato Onn bin Jaafar.

1951
Parti Kemerdekaan Malaya (<i>IMP</i>)

Mengapakah beliau menubuhkan parti tersebut?

- A Menerima desakan daripada penjajah British
- B Memastikan kemenangan dalam pilihan raya
- C Mengutamakan perpaduan antara kaum
- D Memantapkan pengurusan Sistem Ahli

17. Kabinet pertama dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955. Mengapakah pembentukan kabinet tersebut penting?

- A Memperjuangkan pentadbiran tempatan
- B Membuktikan penyatuan parti politik
- C Menekankan konsep persamaan taraf
- D Memperkukuh kesetiaan rakyat

18. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk untuk merangka perlembagaan negara.

Apakah perkara asas yang dipertimbangkan dalam perlembagaan tersebut?

- A Kedudukan British
- B Bantahan negara jiran
- C Kuasa autonomi negeri
- D Jawatan Yang di-Pertua Negeri

19. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 5 Ogos 1957. Antara berikut yang manakah inti pati dalam perjanjian tersebut?
- I Agama Islam sebagai agama persekutuan
 - II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
 - III Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
 - IV Sultan menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
20. Kedaulatan membolehkan kita mendapat pengiktirafan sebagai rakyat. Bagaimanakah kedaulatan dapat memelihara hak rakyat?
- A Membentuk sebuah kerajaan
 - B Mengutamakan keadilan individu
 - C Membenarkan kebebasan bersuara
 - D Menggalakkan semangat kenegerian
21. Apakah maksud negara yang berdaulat?
- A Memiliki pemerintahan sendiri
 - B Mempunyai hasil yang banyak
 - C Mengamalkan sistem demokrasi
 - D Mendapat naungan daripada kuasa besar
22. Apakah majlis yang bertanggungjawab menggubal undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)?
- A Majlis Negeri
 - B Majlis Persekutuan
 - C Majlis Perundangan
 - D Majlis Undangan Negeri
23. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah dipinda pada tahun 1963. Apakah tujuan pindaan tersebut?
- A Memasukkan klausa baharu
 - B Membahagikan kerusi Parlimen
 - C Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu
 - D Mewujudkan jawatan Yang Di-Pertuan Agong



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

24. Senarai berikut merupakan kuasa Yang di-Pertuan Agong.

- Memanggil dan membubarkan parlimen
- Mengisytiharkan darurat

Apakah bidang bagi kuasa tersebut?

- A Berkanun
- B Eksekutif
- C Kehakiman
- D Perundangan

25. Berikut merupakan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita.

Mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran

Bagaimanakah sistem tersebut dapat mewujudkan kestabilan dan kemakmuran negara?

- A Perkongsian kuasa dalam pentadbiran
- B Pemerintahan beraja berkecuali dalam politik
- C Permuafakatan parti politik dalam satu gabungan
- D Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa budi bicara kepada raja

26. Senarai Bersama membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.

Apakah perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama?

- I Kebajikan awam
 - II Kerajaan tempatan
 - III Pertanian dan perhutanan
 - IV Perlindungan hidupan liar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27. Maklumat berikut merupakan faktor yang mengukuhkan sistem Persekutuan.

Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

Mengapakah mesyuarat tersebut dilaksanakan?

- A Menyelaraskan pelaksanaan dasar kerajaan
- B Mempercepat pembangunan wilayah
- C Mendapatkan sokongan pemimpin
- D Mengukuhkan kuasa pemerintah

28.	Apakah faktor yang menjayakan kemerdekaan dan pembentukan Malaysia?
	A Penduduk terdiri daripada pelbagai kaum
	B Semangat toleransi menjadi amalan
	C Desakan daripada golongan radikal
	D Bantuan daripada kuasa besar
29.	Referendum Singapura diadakan pada tahun 1962. Mengapakah referendum tersebut diadakan?
	A Menentukan sokongan terhadap pembentukan Malaysia
	B Mengukuhkan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan
	C Memulihkan hubungan Malaysia-Singapura
	D Mengekalkan sistem pentadbiran British
30.	Mengapakah Singapura dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1965?
	A Ancaman daripada parti komunis
	B Enggan mematuhi dasar kerajaan
	C Menentang pilihan raya negeri
	D Pengaruh daripada British
31.	Penyebaran berita palsu telah menyukarkan usaha Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) menyelesaikan konflik rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut?
	A Menubuhkan Majlis Perundingan Negara (MAPEN)
	B Merombak semula struktur Jabatan Penerangan
	C Mengawal penulisan oleh wartawan tempatan
	D Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948
32.	Sistem persekolahan aneka jurusan telah diperkenalkan melalui Kajian Aminuddin Baki. Apakah tujuan sistem tersebut diperkenalkan?
	A Melahirkan tenaga kerja mahir
	B Mengurangkan sekolah vernakular
	C Mewujudkan perasaan cinta akan negara
	D Membentuk sikap toleransi dan bekerjasama
33.	Maklumat berikut berkaitan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
	• Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu • Kebudayaan lain yang sesuai diterima • Islam sebagai unsur penting
	Bagaimanakah prinsip tersebut membentuk identiti negara?
	A Memartabatkan warisan bangsa
	B Melahirkan masyarakat berilmu
	C Meningkatkan kualiti kehidupan
	D Memupuk keperibadian kebangsaan

34. Gambar berikut adalah logo Sukan Malaysia (SUKMA).



Apakah tujuan sukan tersebut dianjurkan?

- A Memantapkan ekonomi negara
- B Memajukan industri pelancongan
- C Memperkukuh perpaduan rakyat
- D Mengimbangi ekonomi antara kaum

35. Maklumat berikut berkaitan agensi yang ditubuhkan untuk pembangunan wilayah.

- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)

Apakah peranan agensi tersebut?

- A Menubuhkan institusi kewangan
- B Memperluas tanaman komersial
- C Membuka petempatan baharu
- D Memberi bantuan dana

36. Gambar berikut merupakan tokoh bumiputera yang melibatkan diri dalam sektor korporat.



Tan Sri Azman Hashim
(Tokoh Perbankan)



Tan Sri Mustapha Kamal
(Tokoh Hartanah)



Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhari
(Tokoh Korporat)

Bagaimanakah tokoh tersebut membantu meningkatkan taraf hidup golongan miskin?

- A Membuka petempatan baharu
- B Menawarkan peluang pekerjaan
- C Memberikan bantuan kewangan
- D Menyediakan kemudahan infrastruktur



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

37. Mengapakah Malaysia menjalin hubungan serantau dengan beberapa buah negara sejak mencapai kemerdekaan?
- A Meningkatkan kemasukan imigran
B Mengimbangi sosioekonomi rakyat
C Meluaskan wilayah pengaruh
D Menjamin kedaulatan negara
38. Dasar Apartheid yang diamalkan di Afrika Selatan menjadi isu penting yang menarik perhatian Komanwel.
Mengapakah Malaysia turut lantang menentang dasar tersebut?
- A Menghapuskan sekatan perdagangan
B Menghalang kebebasan beragama
C Menyekat eksport negara
D Mencabuli hak asasi
39. Maklumat berikut berkaitan kempen yang dilancarkan oleh negara maju.
- Kempen Antiminyak Kelapa Sawit
- Apakah alasan yang digunakan oleh negara maju untuk melancarkan kempen tersebut?
- A Mengandungi bahan berbahaya
B Menyebabkan kenaikan cukai
C Mencemarkan alam sekitar
D Menjejaskan gaya hidup
40. Perjanjian berkaitan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi ASEAN.
Apakah kepentingan AFTA terhadap Malaysia?
- I Mengurangkan tarif dan cukai
II Mengawal kemasukan pelabur
III Memajukan kualiti perkhidmatan
IV Meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

Guru Mata Pelajaran
SMK

Ketua Panitia Sejarah
SMK

Ketua Bidang Kemanusiaan
SMK